

## Jangan lupa tentang keselamatan pekerjaan!

Mac 2014

### Insiden itu

Baru-baru ini salah seorang pembaca Beacon telah menghantar maklumat berkenaan dengan suatu kejadian dan merasakan ia boleh dijadikan topik Beacon yang baik. Di dalam fasiliti, ada peraturan keselamatan yang menghalang pemakaian barang-barang perhiasan. Seorang pekerja masih terus memakai cincin di jari. Ketika dia keluar dari trak, jarinya tersangkut pada sesuatu dan telah putus.

Walaupun insiden itu serius dan boleh memberikan kesan kepada pekerja itu sepanjang hidupnya, tetapi kejadian itu bukanlah topik kebiasaan bagi Beacon kerana ia tidak melibatkan proses. Walaubagaimanapun insiden ini mengingatkan kita bahawa kita perlu memberikan perhatian keapada semua aspek keselamatan, termasuklah keselamatan proses dan keselamatan pekerjaan. Orang jatuh dari tempat tinggi, terjatuh ketika menuruni tangga, terpotong oleh objek tajam, tercedera disebabkan benda jatuh dan banyak lagi insiden lain yang tidak ada kaitan dengan teknologi proses di dalam fasiliti. Mereka ini tercedera dan terjejas sama seperti mereka yang cedera disebabkan insiden berkaitan dengan proses.

Walaupun Beacon memberi fokus kepada insiden berkaitan dengan proses, tidak dilupakan bahawa keselamatan pekerjaan juga adalah penting. Bagi memastikan tempat kerja yang selamat, kita perlu memastikan program yang efektif bagi kedua-dua keselamatan proses dan tempat kerja.

Gambar disebelah bersesuaian dengan insiden di atas. Harold Lloyd melakukan sendiri kebanyakan daripada aksi-aksi di dalam filem klasik tersebut, walaupun telah pun kehilangan ibu jarinya dan sebahagian daripada jarinya di dalam kemalangan ketika pembikinan sebuah filem 4 tahun sebelumnya!

### Tahukah anda?

- Keselamatan pekerjaan memberikan penekanan kepada pencegahan kemalangan melalui sistem kerja yang bertujuan bagi mengurangkan risiko kepada kecederaan peribadi.
- Keselamatan proses memerlukan penekanan kepada pencegahan dan mitigasi bagi kebakaran, letusan dan pembebasan bahan berbahaya dan potensi kejadian besar yang lain-lain yang berkait dengan kimia dan fizik bagi proses pembuatan.
- Insiden keselamatan proses mempunyai potensi untuk menjadi sangat besar dan melibatkan banyak orang, begitu juga kepada persekitaran dan harta benda. Insiden proses keselamatan yang besar boleh memberikan kesan kepada komuniti di luar kawasan loji.
- Sesetengah insiden mempunyai ciri-ciri kedua-dua keselamatan iaitu pekerjaan dan proses. Sebagai contoh, membuka paip yang mengandungi bahan mudah terbakar yang panas boleh mencederakan ‘pipefitter’ yang melakukan kerja disebabkan terdedah kepada bahan tersebut. Ia juga boleh menyebabkan kebakaran dan letusan.



Harold Lloyd hangs tergantung di atas jalan di Los Angeles dalam adegan terkenal dari filem klasik tanpa suara 1923 berjudul "Safety Last"

### Apa boleh anda lakukan?

- Jangan sesekali lupa yang tempat kerja selamat memerlukan semua orang di dalam fasiliti mengambil perhatian kepada **kedua-dua** keselamatan proses dan tempat kerja.
- Kenal pasti yang budaya bekerja selamat, sikap, disiplin operasi, amalan kerja yang selamat dan program keselamatan yang baik adalah penting bagi menjayakan kedua-dua keselamatan proses dan pekerjaan.
- Berwaspada kerana peningkatan dalam keselamatan pekerjaan boleh memberikan amaran bahawa program keselamatan proses juga tidak berkesan seperti mana yang anda khendaki.
- Fahami keselamatan proses **dan** keselamatan pekerjaan loji anda, dan juga peranan anda untuk menjayakkannya.
- Aktif dalam menyertai aktiviti keselamatan loji anda dan juga menggalakkan rakan sekerja anda untuk turut sama menyertainya.

## Keselamatan pekerjaan dan keselamatan proses – kamu perlukan kedua-dua!